


Headline	Tingkat kefahaman Islam mahasiswa		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	16 Dec 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p13	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	273 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,502
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,506



Mereka yang hadir diberi pendedahan mengenai isu-isu semasa dalam dunia Islam.

Tingkat kefahaman Islam mahasiswa

GOMBAK - Persatuan Mahasiswa Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan kerjasama Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengadakan Islamic Students Convention (i-con) 2011, baru-baru ini.

Program tersebut kali pertama diadakan yang menghimpunkan penuntut pengajian Islam di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Program ini adalah satu daripada lapan program di dalam Protaz Festival yang berlangsung dari 29 November hingga 5 Disember dan menarik minat hampir 200 mahasiswa.

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah, Jamali Mohd Adnan berkata, objektif program itu antaranya untuk meningkatkan kefahaman Islam kepada golongan elit seperti mahasiswa dengan isu-isu semasa yang dibincangkan dalam konvensyen berkenaan.

"Selain itu, dapat melahirkan mahasiswa Islam yang berilmu, berakhlak dan bertakwa serta mampu menjadi Front Liner dakwah di Malaysia," katanya.

Konvensyen ini turut melibatkan empat pembentang. Kertas kerja pertama oleh Ketua

Penolong Setiausaha (Sektor Sosial), Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Mohamad Zamri Mohamed Syapik, bertajuk Peranan Pelajar Islam dalam Konteks Krisis Peradaban Kontemporari.

Kertas kerja kedua, Perhubungan antara Ekonomi Islam & Ekonomi Dunia oleh Pensyarah UIAM, Dr Zaharuddin Abd Rahman.

Sementara Ketua Jabatan Akademi Islam, Universiti Malaya (UM), Dr Mohd Roslan Mohd Noor, membentangkan tajuk Politik Dunia Islam: Sejarah & Perkembangan. Manakala kertas kerja keempat bertajuk Pelajar Islam: Bina Perkembangan Negara & Bangsa oleh Jamali.

I-con dirasmikan Pengarah Bahagian Pembangunan Insan, Jakim, Ramlah Yong, dan turut hadir Timbalan Dekan, Kuliyyah Ilmu Wahyu & Warisan Islam, UIAM.

Ramlah berkata, mahasiswa harus menjadikan waktu di universiti sebagai tempat paling ideal untuk mencari ilmu dan membina personaliti. Keampuhan benteng iman dan keberkatan ilmu akan dapat menangkis segala krisis sosial dan akidah yang boleh merosakkan diri mahasiswa.

(Sumber: Portal Jakim)